

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan aura positif dalam kehidupan remaja dan langkah-langkah memupuk aura positif**. Panjang rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Aura ialah istilah yang berasal daripada perkataan bahasa Latin yang membawa maksud, angin atau nafas. Kamus Dewan Edisi Keempat mentafsirkan perkataan ini sebagai suasana atau perasaan halus yang menyelubungi seseorang atau sesuatu. Artikel hasil tulisan Shafinaz Sheikh Maznan berjudul, "Aura Positif dan Negatif" (Utusan Malaysia, 2005), memetik definisi aura yang diberikan oleh pakar terapi aura, Dr. Ridzuan Noor yang menerangkan aura sebagai suatu medan tenaga yang hidup yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Shafinaz Sheikh Maznan berpendapat bahawa aura seseorang individu itu memancar dan berupaya mempengaruhi setiap orang di sekelilingnya. Kita akan berasa tidak selesa sekiranya aliran tenaga yang keluar bersifat negatif dan hal ini boleh dimanifestasikan dalam bentuk raut wajah tidak berseri yang ditonjolkan oleh seseorang itu. Namun demikian, jika aura positif atau aliran tenaga positif yang terpancar, sudah tentu raut wajah yang menarik dan tinggi keyakinan akan dapat diperhati.

Prof. Dr. Muhaya Mohamad dalam rencananya "Membina Aura dan Pesona Diri Positif" (Utusan Malaysia, 2014) menjelaskan bahawa seseorang yang beraura positif senang didekati kerana aura positif yang terpancar di wajahnya akan menjadi magnet menarik perhatian orang lain untuk mendekati dirinya. Apa-apa imej dan reaksi yang terpancar pada wajah seseorang individu itu lalu dipamerkan kepada orang lain akan menjadi petanda jenis aura yang ada dalam dirinya. Aura positif yang bermula dengan dunia dalaman yang baik akan berupaya menentukan dunia luarannya. Dr. Ridzuan Noor menyatakan bahawa aura boleh menjadi positif atau negatif bergantung pada keadaan emosi, mental, fizikal dan tahap kerohanian seseorang. Beliau menerangkan lagi bahawa individu yang mempunyai aura positif melebihi aura negatif khasnya ketika berhadapan masalah akan dapat menghalang kemasukan gelombang negatif ke dalam tubuh.

Menurut Dr. Ridzuan Noor juga, semua aura pada asalnya bersifat positif tetapi perasaan negatif seperti marah, sedih, putus asa, gelisah, hasad dengki dan stres dapat menukarkan aura positif kepada negatif. Sebaliknya, individu dengan *kombinasi emosi* positif seperti sabar, tenang, fokus dan berkasih sayang akan mampu menukarkan aura negatif menjadi aura positif. Selain itu, keadaan fizikal yang lemah disebabkan sakit, depresi atau keletihan dapat mengganggu lingkaran aura positif yang menyelubungi diri. Fizikal yang kuat hasil daripada bersenam dan menjalani kehidupan yang hebat pula mampu meningkatkan kekuatan aura positif. Hal ini akan melahirkan individu yang sentiasa sihat dan jauh daripada penyakit. Usaha untuk meningkatkan unsur-unsur positif di sekeliling seseorang individu berpotensi membantu memacu kejayaan yang konsisten dalam kehidupan remaja. Oleh hal yang demikian, keperluan untuk memahami konsep aura dan langkah-langkah mencorakkan aura positif dalam diri seseorang perlu diperhalusi agar dunia positif akan dapat diperkukuh dalam kalangan masyarakat.

Dipetik dan diubahsuai daripada ' Aura Positif Remaja',
oleh Noraziah Mohd Amin, *Dewan Siswa*, 2017.

Soalan 2: Pemahaman**Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **kombinasi emosi**. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, terdapat beberapa faktor yang boleh menukar aura positif menjadi aura negatif.

Nyatakan faktor-faktor tersebut.

[3 markah]

- (iii) Kekuatan aura positif dalam kalangan remaja akan membantu mencapai kejayaan yang konsisten dalam kehidupan mereka.

Pada pendapat anda, apakah cabaran yang dihadapi oleh remaja dalam membentuk aura positif?

[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakannya ayat anda sendiri.

“Tuan inikah yang bernama Munsyi, sahabat baik bonda saya?”

Selepas saya memperkenalkan diri, dia mula tersenyum meramahi saya sebelum menjemput saya masuk.

Kami bersalaman erat. Saya menyampaikan salam bonda kepadanya sebelum menghulurkan beg berisi puluhan kitab lama yang saya bawa dari kampung.

Minggu-minggu pertama saya berada di kota mewah ini, dapat saya saksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsa saya. Mereka dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi. Saya berasa jelik dan aib menyaksikan adegan sumbang wajah-wajah anak muda peribumi tanah air ini yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama yang murni. Anak-anak muda lelaki perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa. Mereka bergelak tawa dalam loghat yang direka-reka konon untuk menunjukkan kemodenan. Saya jadi keliru dengan setiap patah slanga dan klausa yang tidak saya faham. Ada yang menggunakan pelbagai istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan. Saya jadi buntu. Malah berasa malu dengan sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa saya yang telah hilang identiti dan jati diri di negara mewah ini.

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi' oleh Husna Nazri dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan, gambarkan keadaan anak-anak muda di kota mewah.
[2 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, apakah langkah yang perlu diambil oleh ibu bapa untuk membendung keruntuhan akhlak generasi muda di kawasan bandar?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen ini yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal. Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, senantias beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, “Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar.”

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirilah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”

Maka sembahnya, “Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak orang Kaya Hitam?”

Maka sembahnya, “Mohon patik tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan petikan tersebut, apakah peristiwa yang terjadi selepas Paduka Raja dan Seri Nara Diraja menjadi orang besar?

[2 markah]

(ii) Nyatakan reaksi Sultan Muzaffar Syah apabila mengetahui perihal Seri Nara Diraja tidak bermuafakat dengan Paduka Raja.

[3 markah]

(iii) Raja yang adil sentiasa memikirkan kepentingan rakyat dan negara melebihi kepentingan peribadi.

Pada pendapat anda, mengapakah seseorang pemimpin perlu memerintah secara adil dan saksama dalam pemerintahannya?

[3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

WWW.SIBERMERDEKA.COM.MY

- | | |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>1 Dalam kebun diriku
aku tanam saujana rancangan
untuk memerdekakan warga susahku
untuk menentang senja dan malam.</p> <p>2 Dalam parlimen diriku
aku bahas isu onak dan enak
untukmu merdekakan warga fikirku
mengelak hidup dikotak-katikkan..</p> <p>3 Dalam laut diriku
ombak gelora menampar pantai aman
untuk menguji amal dan iman.</p> <p>4 Dalam gergasi diriku
terpedaya jua oleh permainan si kancil
namun sempat sedar dan beringat lagi.</p> <p>5 Dalam pentas diriku
aku berlatih menangkis angin
aku berlatih memungkah awan
menghayati skrip demi skrip
yang tak duga klimaksnya.</p> | <p>6 Dalam dewan diriku
aku tak cemas lagi
oleh kata yang mengekang
aku tak lemas lagi
oleh kata yang menyerang.</p> <p>7 Apabila sebermerdeka sampai
ke rumah cabaranku
aku panggil diriku bermesyuarah
menyokong, berkecuali atau menentang
aku ambnil keputusan
waktu itu aku kenal batas diri
untuk tidak mengulangi kekalahan.</p> <p>8 Kini, kapal diriku telah berlabuh di pangkalan usia
aku turun darinya menghadapi hidup nyata
peristiwa datang peristiwa pergi
bagai siang memanggil malam
dan sibermerdeka terus berkaca
terus mengalirkan arus ingatan
elakkan dirimu menjadi sia-sia
hamparkan dirimu di persada Tuhan.</p> |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Abdul Ghafar Ibrahim
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

(i) Berikan maksud rangkap kelima sajak di atas. [2 markah]

(ii) Dalam sajak tersebut, penyajak menyatakan bahawa dia telah bersedia untuk menghadapi segala cabaran dan dugaan.

Pada pendapat anda, apakah persediaan yang seharusnya kita lakukan untuk mengharungi kehidupan yang penuh cabaran dan dugaan ini?

[3 markah]

(iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas?

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) antibiotik
- (ii) nasionalisme
- (iii) tatatertib
- (iv) poliklinik
- (v) iktibar
- (vi) mustajab

[6 markah]

b) *Gabungkan ayat-ayat di bawah menggunakan kata hubung supaya menjadi satu ayat majmuk tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Pihak polis telah menumpaskan sindiket pengedaran dadah antarabangsa. Empat orang lelaki Afrika tertangkap. Empat orang lelaki Afrika telah menipu ramai rakyat Malaysia terutamanya gadis tempatan.
- (ii) Restoran Selera Cik Siti menawarkan pelbagai jenis makanan. Restoran Selera Cik Siti turut menawarkan pelbagai jenis minuman. Makanan dan minuman itu menjadi tarikan utama pelanggan untuk ke restoran itu.
- (iii) Pembukaan taman tema air dapat membantu menjana pendapatan negara. Pembukaan taman tema air juga dapat menarik kemasukan pelancong asing. Pembukaan taman tema air boleh mengeratkan hubungan silaturahim dengan keluarga.

[6 markah]

c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Program tersebut diadakan untuk memperluas pengetahuan pelajar dalam bidang tulisan.
- (ii) Warga negara Malaysia yang berumur 21 tahun sudah boleh diundi calon pilihan mereka jika pilihan raya diadakan.
- (iii) Hampir seluruh bandar dan wilayah di Thailand dapat dikunjungi oleh pelancong dengan menaiki bas ekspres dari Bangkok.

[6 markah]

d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Hasrat wakil Thailand untuk membentuk kad perniagaan sebagai salah satu platform untuk memudahkan urusan perniagaan akan dipertimbangkan oleh kerajaan demi kebaikan kedua pihak.
- (ii) Susun arah perabot dan hiasan dalaman di mini perpustakaan itu sangat menyenangkan hati pengunjung yang berkunjung ke situ.
- (iii) Rakyat-rakyat negeri itu begitu teruja untuk menyambut keberangkatan sampai baginda sultan yang baru ditabalkan ke daerah mereka.

[6 markah]

e) *Berikan maksud peribahasa di bawah.*

- (i) Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.
- (ii) Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.
- (iii) Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (ii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (iii) *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib
- (iv) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin

a) Huraikan **tema** sebuah novel yang telah anda pelajari.

[7 markah]

b) Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, jelaskan **satu peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang** yang terdapat dalam novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT